

**PRU-13: Najib ingatkan ahli, pemimpin BN jangan sabotaj calon
Utusan Online
October 17, 2011**

SEREMBAN 16 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memberi mesej yang cukup jelas kepada ahli serta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) di semua peringkat supaya tidak mensabotaj calon parti pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

Tegas Perdana Menteri, situasi itu kerap berlaku kepada bekas wakil rakyat atau mereka yang disebut-sebut menjadi calon tetapi tidak dipilih sebagai calon BN pada pilihan raya tersebut.

Beliau mengakui isu itu agak mengusarkan kerana ia berkait rapat dengan jentera BN memastikan langkah menentang calon boleh menang diterima oleh semua pihak.

"Saya tidak takut dari segi perediaan fizikal dan saya juga tidak takut tentang ilmu dalam usaha kita mengatur strategi bagi memenangi pilihan raya.

"Apa yang sedikit gusar ialah mengenai sikap. Adakah kita menentang keputusan pucuk pimpinan untuk menentang calon yang boleh menang? Inilah persoalannya.

"Bila kita berkonvensyen dalam dewan ini semangat kita berko-bar-kobar untuk memenangi parti tetapi apabila berada di peringkat bahagian, ia tidak serupa.

"Apabila kita pergi ke peringkat peti undi ia juga tidak serupa. Sepatutnya mesej konvensyen ini di terjemahkan sehingga ke akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen Barisan Nasional 2011 peringkat Negeri Sembilan, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, Presiden MCA Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek, Presiden MIC, Datuk G. Palanivel serta lebih 1,500 ahli-ahli BN.

Najib yang juga Pengerusi BN berkata, apa yang dibangkitkannya itu adalah hakikat yang berlaku dalam dunia politik.

Beliau kemudian berkongsi kisah seorang Setiausaha UMNO bahagian tidak terpilih sebagai calon pilihan raya kecil.

"Pukul 10 malam (semasa kempen) rumah sudah gelap gelita," katanya sambil menambah kisah kedua pula berlaku ketika pilihan raya negeri Sarawak.

"Seorang bekas wakil rakyat tidak tercalon lalu dia melarikan diri. Jika ke Kuala Lumpur tidaklah jauh sangat, sekiranya ke Jakarta kita pun fahamlah tetapi dia lari sampai ke London," ujarnya.

Di London Perdana Menteri berkata, bekas wakil rakyat tersebut mematikan telefon bimbitnya kerana tidak mahu dihubungi oleh sesiapa.

"Saya sendiri menghubungi bekas wakil rakyat ini beberapa kali tetapi gagal. Akhirnya kita mengaturnya dan akhirnya kawasan yang ditinggalkan bekas wakil rakyat ini dimenangi oleh calon BN.

"Mujur BN menang, jika tidak menang saya akan cari wakil rakyat hingga ke lubang cacing," katanya sambil disorak oleh ahli-ahli dan pemimpin BN negeri.

Sehubungan itu beliau mahu se mua ahli dan pemimpin BN memberi sokongan tidak berbelah bahagi ke pada calon yang terpilih bagi memas tikan kemenangan BN pada PRU 13.

"Saya ingatkan sekali lagi jangan sabotaj calon kita. Beri mereka so kongan yang padu. Kerja bersung guh-sungguh, buat aku janji di da lam hati masing-masing bagi me mastikan parti kita menang pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1017&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm